



# Hobi Membuat Kek Jadikan

*Tengku Ahsanna*  
**DIKENALI**

Teks: Rosmah Idayu Abu Samah Foto: Baduzzaman A Malik  
Solekan: Ann Karim



Saat menghulurkan salam perkenalan antara penulis dengan Tengku Nurul Iman Alianna binti Tengku Ali Sha.24 tahun, penulis sudah terasa dekat dengannya.

Pernah beberapa kali mengikuti perkembangannya melalui laman Instagram miliknya, ternyata wanita berasal dari kerabat di raja Pahang ini amat mudah untuk didekati. Sikapnya yang peramah dan mudah mesra menjadikan dia begitu menyenangkan dan mudah memberikan kerjasama yang menarik sepanjang sesi fotografi yang dijalankan di kediaman bondanya yang terletak di Ampang, Selangor.

Tutur bicaranya lembut dan berhemah. Sesuai dengan penampilannya sebagai golongan kerabat yang dipandang tinggi oleh masyarakat. Kedatangan penulis ke kediamannya yang terletak di pinggir ibu kota disambut mesra oleh beliau yang ketika itu sedang ditata rias oleh jurusolek, Ann Karim. Keramahan yang ditunjukkan oleh anakanda kepada Tengku Dewi Farina binti Ungku Farimar Nudin ini menjadikan sesi fotografi bersamanya berjalan lancar dengan keletah si kecil Muhammad Aiden Yusuf yang gemar beraksi di hadapan kamera.

Menyentuh tentang kehidupan peribadi, Tengku Alianna yang dibesarkan di ibu kota Kuala Lumpur merasa amat bertuah kerana bonda tersayang, Tengku Dewi Farina Ungku Farimar Nudin yang sentiasa menyokong dalam banyak

perkara yang dilakukannya.

"Bonda amat mementingkan hubungan kekeluargaan. Antara cara bagaimana saya dan keluarga merapatkan hubungan kekeluargaan ialah dengan cara makan bersama hampir setiap hari. Bonda gemar kami berkumpul dan menikmati

hidangan bersama-sama. Malah dengan cara ini Yusuf dapat merasa nikmat kehidupan dalam sebuah keluarga yang besar.

Walaupun Yusuf baru berusia satu tahun, saya sudah mendaftarkan dia di Montessori agar dia dapat didedahkan dengan pelbagai aktiviti kognitif dan intelektual. Biar dia belajar bergaul sejak kecil agar dia tidak kekak apabila berhadapan dengan masyarakat di luar." Ujar Tengku Alianna lagi.

"Selain itu, setiap tahun, kami sekeluarga akan bercuti ke kota London untuk berehat dan menziarahi nenda, Tengku Rohanna Abdul Hamid yang sudah 30 tahun menetap di sana dan menjalani kehidupan seperti biasa. Kebiasaannya, jika kami berkunjung ke kota London kami akan menghabiskan masa bersama keluarga melawat ke tempat-tempat menarik di sana. Malah, kami pernah bercuti sekeluarga ke Paris dan Istanbul untuk mengeratkan lagi silaturahim.

## Sokongan keluarga

Bagi penggemar manisan seperti kek, pavlova, tartlet dan sebagainya, nama *Sugar Candy* by Tengku Alianna sememangnya tidak perlu diperkenalkan lagi. Hampir lima tahun berjinak-jinak dalam pembuatan kek secara kecil-kecilan, ibu tunggal kepada seorang cahaya mata ini boleh berbangga kerana hasil minatnya itu dapat dikongsi bersama penggemar manisan kek dengan tertubuhnya *Sugar Candy* by Tengku Alianna yang beroperasi secara online. Malah, penglibatan beliau dalam bidang ini sentiasa mendapat sokongan bonda tercinta, kaum keluarga dan rakan-rakan. Mereka banyak memberi inspirasi buat Tengku Alianna yang juga seorang ibu tunggal ini untuk melangkah lebih jauh dalam dunia perniagaan.

"Saya masih belajar cara-cara untuk menambah baik setiap produk yang dihasilkan. Di samping itu, saya mempunyai cita-cita untuk membuka sebuah akademi membuat kek suatu hari nanti. Seronok jika dapat berkongsi minat dan pengetahuan dengan individu-individu yang berminat dalam membuat kek ini," ujar Tengku Alianna lanjut.



Walaupun sibuk dengan urusan perniagaan, Tengku Alianna yang mempunyai seorang anak lelaki berusia satu tahun tidak pernah mengabaikan pendidikan dan perhatian terhadap satu-satunya permata hatinya. Malah, masa yang terluang akan diisi dengan aktiviti kekeluargaan untuk memastikan si kecil mendapat perhatian dan kasih sayang dari sisi keluarga.

## Semua kerana minat...

Ramah bercerita tentang perniagaannya, segalanya bermula dengan minat.

"Minat dalam dunia pembuatan kek tercetus semasa zaman persekolahan lagi. Bermula sebagai hobi untuk menjamu keluarga dan kawan-kawan, tidak sangka pula ia menjadi sumber pendapatan sepenuh masa.

Segalanya bermula daripada hobi dan minat dalam membuat kek. Saya tidak mendapat sebarang pendidikan formal dalam pembuatan kek tetapi saya banyak belajar melalui you tube dan sebagainya. Dari situ, saya banyak belajar tentang teknik-teknik terkini dalam menghias kek dan turut mengikuti kelas-kelas jangka pendek berkaitan dekorasi kek untuk menambahkan lagi pengetahuan," ujar Tengku Alianna sambil melayan kerenah si kecil Muhammad Aiden Yusuf.

Sambung Tengku Alianna yang mempunyai pertalian karabat diraja Pahang lagi, Sugar Candy by Tengku Alianna merupakan perniagaan atas talian yang bermula dengan menjual kek lima tahun yang lalu. Kini, perniagaan tersebut telah berkembang setapak lagi dengan tertubuhnya unit sebagai perancang majlis selain mempunyai produk aksesori kek di bawah jenama sendiri seperti cake stand dan sebagainya. Selain itu, Tengku Alianna turut berbakat menggubah hantaran perkahwinan dan sebagainya.

"Saya amat meminati bidang-bidang seni seperti gubahan hantaran, kek dan sebagainya. Itu adalah antara sebab mengapa saya memilih untuk menjalankan perniagaan dalam bidang tersebut. Saya merasa puas dapat menghasilkan sesuatu kerja tangan yang cantik khusus untuk pelanggan," ujar Tengku Alianna lanjut.

Sepanjang tempoh lima tahun mengendalikan Sugar Candy by Tengku Alianna, hasil kerja tangan beliau pernah

**"Saya masih belajar cara-cara untuk menambah baik setiap produk yang dihasilkan. Di samping itu, saya mempunyai cita-cita untuk membuka sebuah akademi membuat kek suatu hari nanti. Seronok jika dapat berkongsi minat dan pengetahuan dengan individu-individu yang berminat dalam membuat kek ini."**

menjadi pilihan golongan VVIP antaranya termasuklah DYMM Sultanah Terengganu, Sultanah Nur Zahrah dan DYMM Sultanah Pahang, Sultanah Hajjah Kalsom.

"Selain itu, antara artis-artis yang turut menjadi pelanggan Sugar Candy By Tengku Alianna termasuklah golongan artis. Alhamdulillah hasil kerja tangan saya mendapat kepercayaan mereka dan paling membanggakan apabila sebuah rancangan bertajuk *Food Advertiser* mengiktiraf perniagaan saya sebagai *top 10 online desserts*. Ia menguatkan lagi azam dan cita-cita saya untuk melebarkan sayap perniagaan dan menjadikan ia sebagai satu perniagaan yang menjadi sebut-sebutan di kalangan masyarakat."

Ditanya mengenai idola dalam dunia fesyen dan perniagaan, Tengku Alianna amat kagum dengan kejayaan Neelofa dalam dunia perniagaan kerana pada usia muda sudah mampu bergelar jutawan dan menghasilkan pelbagai produk di bawah jenamanya sendiri.

"Saya amat menggemari dunia fesyen dan mementingkan keselesaan dan penataan gaya bersama aksesori sebagai pelengkap gaya. Saya kagum dengan kejayaan Neelofa dalam dunia perniagaan dan dia juga berpendidikan tinggi. Jika boleh saya ingin perniagaan ini semakin maju dan boleh dijadikan inspirasi buat anakanda suatu hari nanti," ujar Tengku Alianna seraya mengakhiri perbualan. k

